



## MAJLIS PERBANDARAN KLANG

### SPESIFIKASI KERJA PERKHIDMATAN KONTRAKTOR PANEL MEMBEKAL TONG DAN MELUPUSKAN SISA PEPEJAL PEMBINAAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

#### 1.0 UMUM

Dokumen ini merupakan manual kerja perkhidmatan kontraktor panel membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan yang memberi penerangan secara terperinci mengenai spesifikasi kerja dan kualiti untuk dijadikan rujukan oleh pihak-pihak berkepentingan di dalam melaksanakan kerja membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK). Objektif MPK di dalam menawarkan perkhidmatan kontraktor panel ini adalah bagi memastikan kawasan awam yang ditadbir urus MPK tidak berlaku pembuangan sisa pepejal pembinaan haram, sentiasa berada dalam keadaan bersih dan indah serta dapat memberikan kepuasan dan keselesaan kepada penduduknya. Perkhidmatan kontraktor panel membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan ini adalah meliputi kerja-kerja seperti berikut:-

- i. Membekal tong sampah
- ii. Melupuskan sisa pepejal pembinaan

Kontraktor Panel akan menjalankan perkhidmatan pembekalan tong dan pelupusan yang mana melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:-

- i. Ubah suai bangunan
- ii. Pencerobohan bangunan
- iii. Sisa pepejal pembinaan haram

Oleh yang demikian, pihak-pihak yang berkepentingan seperti Kontraktor Panel adalah bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, sempurna, cekap dan efisien bagi memenuhi matlamat untuk menjadikan kawasan pentadbiran MPK bersih, indah serta selesa untuk didiami.

#### 2.0 DEFINISI

##### 2.1 Kontraktor Panel

Kontraktor yang dilantik oleh MPK untuk perkhidmatan kutipan dan pelupusan sisa pepejal pembinaan terhadap tambahan/ pindaan apa-apa premis dan bangunan sedia ada, tindakan penguatkuasaan meroboh dan lain-lain yang berkaitan dengan sisa pepejal pembinaan di kawasan MPK.

## **2.2 Pegawai Penguasa**

Pegawai yang dipilih dan ditetapkan oleh MPK untuk mengeluarkan apa-apa arahan yang perlu kepada Kontraktor Panel.

## **2.3 Sisa Pepejal Pembinaan**

Sisa yang secara kimia mahupun biologinya tidak aktif dan tidak mereput. Termasuklah apa-apa batu, kayu, pasir, tanah, simen, atap, zink atau lain-lain yang berkaitan.

# **3.0 BIDANG KERJA**

## **3.1 Membekalkan Tong Sampah**

- 3.1.1 Kerja-kerja membekalkan tong Roll Off Roll On (RORO) bersaiz sekurang-kurangnya 12 kaki panjang x 6 kaki lebar x 2 kaki tinggi atau 11 kaki panjang x 6 kaki lebar dan 2  $\frac{1}{2}$  kaki tinggi atau seumpamanya. dan bermuatan sekurang-kurangnya tiga (3) tan serta membekalkan kepada pihak ketiga atau pemohon. Kerja-kerja membekalkan tong adalah mengikut arahan daripada Pegawai Penguasa.
- 3.1.2 Setiap kali penghantaran tong, Kontraktor Panel hendaklah mendapatkan salinan kupon tempahan tong daripada pemohon atau pegawai penguasa.
- 3.1.3 Waktu maksimum tong diletakkan di lokasi adalah **14 hari** dari tarikh di hantar.
- 3.1.4 Pihak Kontraktor hendaklah menghantar tong kepada pemohon dalam tempoh masa **3 hari** dari tarikh permohonan atau tarikh arahan penghantaran oleh pegawai penguasa
- 3.1.5 Pihak Kontraktor hendaklah memastikan tong yang dibekalkan tidak membuat halangan lalu lintas atau kacau ganggu terhadap masyarakat sekeliling.

## **3.2 Melupuskan Sisa Pepejal Pembinaan**

- 3.2.1 Kontraktor hendaklah menarik tong pada hari yang ke empat belas (**14**) atau sebaik sahaja penuh (yang mana yang terdahulu) dan melupuskan sisa lengai tersebut di tapak pelupusan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.
- 3.2.2 Segala kos pelupusan hendaklah ditanggung oleh Pihak Kontraktor Panel.

## **4.0 PEKERJA**

### **4.1 Syarat Am Pekerja**

- 4.1.1 Kontraktor adalah dikehendaki melantik pekerja-pekerjanya sendiri yang berumur 45 tahun kebawah yang sihat, fasih berbahasa Malaysia dan dibekalkan dengan segala jenis mesin / peralatan yang berkaitan dan kenderaan untuk mengurus serta melaksanakan perkhidmatan ini.
- 4.1.2 Jumlah pekerja yang akan digunakan, bagi mengendalikan kontrak ini hendaklah sesuai dan munasabah dengan beban kerja yang dijalankan.
- 4.1.3 Pekerja dikehendaki memakai pakaian seragam. Mana-mana pekerja yang berurusan dengan MPK hendaklah berpakaian kemas serta memakai tanda nama dan nama kontraktor.
- 4.1.4 Kontraktor dikehendaki mengemukakan senarai butiran pekerja (nama, nombor kad pengenalan atau passport, sekiranya warga negara asing yang mendapat permit kerja) kepada Pegawai Pengurus MPK. Langkah ini hendaklah diambil sebelum daripada kontrak ini berkuatkuasa. Sekiranya berlaku pertukaran pekerja, langkah yang sama hendaklah diambil dan dimaklumkan kepada MPK.
- 4.1.5 MPK boleh mengarahkan Kontraktor menamatkan perkhidmatan mana-mana pekerja jika didapati pekerja tersebut tidak sesuai bekerja dengan Kontraktor atau berkelakuan buruk atau merosakkan nama baik MPK.
- 4.1.6 Setiap pekerja yang menguruskan perkhidmatan membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di MPK.
- 4.1.7 Semua pekerja yang menguruskan perkhidmatan membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan ini hendaklah berhati-hati dan bertanggungjawab supaya tidak melakukan kerosakan awam atau mengganggu ketenteraman awam.
- 4.1.8 Bagi menjalankan perkhidmatan membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan ini, Kontraktor adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja mana-mana pekerja sedang berkhidmat dengan MPK, sama ada secara tetap, kontrak, sementara atau sambilan. Perkhidmatan Kontraktor boleh ditamatkan sekiranya perkara ini berlaku.

4.1.9 Kontraktor hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) serta undang-undang atau garis panduan lain yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja.

#### **4.2 Wakil Kontraktor Panel**

- 4.2.1 Kontraktor Panel dikehendaki melantik seorang penyelia (warganegara Malaysia) lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), fasih bahasa Malaysia, bertanggungjawab, cekap dan efisien untuk menjadi wakil kepada Kontraktor semasa berurusan dengan MPK
- 4.2.2 Segala arahan yang diberikan kepada penyelia tersebut adalah disifatkan sebagai sah penyampaiannya sebagai mana ianya telah dimaklumkan atau disampaikan kepada Kontraktor Panel mengikut kaedah penyampaian yang ditentukan oleh pihak Pegawai Pengguna.
- 4.2.3 Penyelia Kontraktor Panel hendaklah sentiasa hadir setiap kursus / mesyuarat /taklimat yang dianjurkan oleh pihak MPK.

#### **4.3 Pemandu**

- 4.3.1 Kontraktor Panel hendaklah memastikan pemandu kenderaan Syarikat tidak terlibat dengan minuman keras dan gejala dada.
- 4.3.2 Kontraktor Panel hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang pemandu yang mempunyai lesen yang sah dan tidak tamat tempoh.

### **5.0 LORI RORO**

- 5.1 Kontraktor Panel hendaklah menggunakan **sekurang-kurangnya 2 unit lori armroll** untuk menghantar tong (1 unit lori) dan menarik tong (1 unit lori) semasa menjalankan kerja-kerja perkhidmatan membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan. Sampah atau bahan buangan yang dimuatkan ke dalam tong hendaklah ditutup dengan kanvas atau penutup yang bersesuaian unutuk memastikan sampah dan bahan buangan tidak terjatuh ke atas tanah / jalan yang boleh membahayakan kepada orang awam.
- 5.2 Lori yang digunakan hendaklah berusia **tidak melebihi 5 tahun** dari tarikh tawaran kontrak.
- 5.3 Kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh Kontraktor Panel hendaklah sentiasa kelihatan bersih, kemas dan warna hendaklah diseragam seperti yang diarahkan oleh Pegawai Pengguna.

- 5.4 Kontraktor Panel hendaklah sentiasa memastikan lori-lori yang digunakan mempunyai cukai jalan kenderaan yang tidak luput.
- 5.5 Kontraktor Panel hendaklah menyerahkan laporan Puspakom setiap 6 bulan sekali atau apa-apa peruntukan undang-undang yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa termasuk semua garis panduan, peraturan dan pindaannya berkenaan waktu semakan kenderaan perdagangan.
- 5.6 Kontraktor Panel hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya yang berkuatkuasa.
- 5.7 Kontraktor Panel perlu mengemukakan kepada MPK lokasi penyimpanan lori, tong dan peralatan berkaitan, surat kebenaran jika menyewa tapak tersebut serta dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.

## 6.0 TONG RORO

- 6.1 Pihak Kontraktor hendaklah mempunyai tong bersaiz **12 kaki panjang x 6 kaki lebar x 2 kaki tinggi dan bermuatan tiga (3) tan atau 11 kaki panjang x 6 kaki lebar dan 2 ½ kaki tinggi** atau seumpamanya dan bermuatan **sekurang-kurangnya tiga (3) tan**.
- 6.2 Kontraktor hendaklah mempunyai **sekurang-kurangnya 20 unit tong** seperti saiz yang ditetapkan.
- 6.3 Tong-tong tersebut hendaklah dicat dengan warna mengikut arahan MPK serta meletakkan maklumat Kontraktor seperti nombor telefon dan nama syarikat serta perkataan ‘Panel Kontraktor MPK’. Contoh tong roro adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 6.4 Kontraktor Panel hendaklah sentiasa menjaga tong RORO supaya tidak rosak atau dicuri semasa di lapangan atau depoh simpanan. Pihak MPK tidak akan menanggung segala kerugian atau kehilangan tong RORO milik Kontraktor Panel.
- 6.5 Kontraktor hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya yang berkuatkuasa.

## 7.0 WAKTU BEKERJA

- 7.1 Waktu perkhidmatan adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.
- 7.2 Semua kerja-kerja lebih masa yang disebabkan oleh kerja-kerja berkaitan dengan perkhidmatan membekal tong dan melupuskan sisa pepejal pembinaan hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

## **8.0 CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

- 8.1 Kontraktor dikehendaki dan bertanggungjawab mematuhi semua Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau apa-apa peruntukan undang-undang yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa termasuk semua garis panduan, peraturan dan pindaannya.
- 8.2 Adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor membayar semua caruman bagi semua kakitangan / pekerja yang diambil yang dikehendaki di bawah peruntukan undang-undang tersebut.

## **9.0 KONTRAK**

### **9.1 Tempoh Kontrak**

Tempoh kontrak adalah untuk **dua (2) tahun dan lanjutan satu (1) tahun**. Lanjutan tempoh kontrak akan ditentukan berdasarkan prestasi Kontraktor dan dipersetujui oleh MPK secara bertulis.

### **9.2 Kawasan Kerja dan Kemudahan Lain**

- 9.2.1 Kawasan kerja dalam kontrak ini adalah di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang.
- 9.2.2 Kontraktor juga dikehendaki menyediakan sebuah pejabat operasi di dalam kawasan MPK untuk kerja-kerja penyeliaan.
- 9.2.3 Kontraktor juga dikehendaki menyediakan alat perhubungan seperti telefon bimbit atau yang seumpama dengannya yang boleh diselaraskan dengan pihak MPK bagi memudahkan perhubungan dua hala.

### **9.3 Polisi Insuran**

- 9.3.1 Sebelum memulakan kerja, Kontraktor yang berjaya dikehendaki mengambil polisi insuran dengan perbelanjaan sendiri daripada syarikat insuran yang diperakui iaitu Polisi Insuran Tanggungan Awam (Public Liability Insurance Policy) berjumlah sekurang-kurangnya **RM 25,000.00**.
- 9.3.2 Kontraktor tidak dibenarkan untuk memulakan kerja jika gagal untuk mengambil insurans-insurans seperti di atas.
- 9.3.3 Polisi-polisi insuran ini hendaklah berkuatkuasa sepenuhnya sepanjang tempoh kontrak ini berjalan atau dalam tempoh lanjutan kontrak jika berkaitan.

- 9.3.4 Salinan polisi-polisi insuran ini hendaklah dipanjangkan untuk simpanan dan rujukan MPK.

#### **9.4 Laporan**

Kontraktor hendaklah mengemukakan laporan bergambar penghantaran tong, salinan kupon/bukti penghantaran atau penerimaan tong dan resit pembuangan di tapak pelupusan sampah dan hendaklah diantar kepada pihak MPK semasa permohonan tuntutan bayaran atau apabila dikendaki oleh pihak Pegawai Penguasa.

#### **9.5 Bayaran**

##### **9.5.1 Bayaran Perkhidmatan**

- 9.5.1.1 Kontraktor akan dibayar dengan kadar harga **RM225.00/tong** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Puluh Lima Ringgit Sahaja). Jumlah bayaran tersebut adalah termasuk kos pelupusan di tapak pelupusan yang ditanggung oleh pihak Kontraktor Panel.

##### **9.5.2 Fi Perkhidmatan**

- 9.5.2.1 Pihak MPK akan mengenakan Fi Perkhidmatan kepada semua Kontraktor panel sebanyak **RM 500.00 secara tahunan** dan hendaklah dibayar sebelum **31 Disember** tahun semasa. Bayaran Fi Perkhidmatan akan diberikan **pengecualian** kepada Kontraktor Panel Sisa Perindustrian MPK yang masih berkuatkuasa.

- 9.5.3 Tuntutan pembayaran hendaklah dikemukakan kepada MPK **sebelum 10 hari bulan** pada setiap **Bulan Mac, Jun, September dan Disember** atau seperti yang diarahkan oleh pegawai Penguasa.

#### **9.6 Pemotongan Bayaran (Penalti)**

MPK berhak untuk mengenakan penalti terhadap Kontraktor Panel seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Pertama (lampiran 2)** sekiranya :

- 9.6.1 Sekiranya Kontraktor Panel tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Pihak MPK; atau  
9.6.2 Sekiranya Notis Tindakan Pembetulan(NTP) tidak dilaksanakan atau diremedi.

#### **9.7 Kerja-kerja Sokongan (Back-up)**

MPK berhak melaksanakan kerja-kerja sokongan (back-up) jika mendapati Kontraktor gagal mengikuti spesifikasi kerja perkhidmatan membekal tong dan

melupuskan sisa pepejal pembinaan seperti yang telah diarahkan oleh pegawai pengurus dengan pemotongan keseluruhan harga trip penghantaran tong.

## **9.8 Penilaian Prestasi**

- 9.8.1 Penilaian prestasi Kontraktor Panel dinilai berdasarkan jumlah NTP, jumlah aduan dan kerja-kerja back up dengan menggunakan skala dimerit yang dikenakan terhadap Kontraktor Panel.
- 9.8.2 Penilaian prestasi adalah mengikut penggal iaitu setiap tiga bulan iaitu iaitu bulan Mac, Jun, September dan Disember dan dibuat semasa tuntutan bayaran.
- 9.8.2 Kaedah pengiraan prestasi dan petunjuk prestasi adalah seperti di **jadual kedua (lampiran 3)**.

## **9.9 Penamatan Kontrak**

- 9.9.1 Sekiranya Kontraktor gagal untuk mematuhi arahan MPK atau mendapat penilaian prestasi tidak baik iaitu skala **49%** dan kebawah sebanyak **dua(2) kali** berturut-turut dalam tempoh **enam(6) bulan**, maka MPK berhak menamatkan kontrak ini dengan memberi **satu (1) bulan** notis secara bertulis kepada Kontraktor Panel.
- 9.9.2 MPK juga berhak menamatkan kontrak ini secara **serta-merta** dengan memberikan notis penamatan kepada Kontraktor sekiranya Kontraktor Panel gagal mematuhi mana-mana arahan dan peruntukan-peruntukan perjanjian dengan MPK.

## **9.10 Indemniti**

Kontraktor hendaklah sentiasa menanggung rugi MPK dari sebarang tuntutan, permintaan, tindakan guaman daripada mana-mana pihak sekiranya berlaku kecuaian ataupun kemalangan yang disebabkan oleh Kontraktor di dalam melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan ini.

Contoh spesifikasi tong RORO yang perlu dipatuhi oleh pihak Kontraktor Panel



**LAMPIRAN 2****JADUAL PERTAMA****PENALTI YANG MELIBATKAN KETIDAKPATUHAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN SISA PEPEJAL PEMBINAAN**

BIL.	Perkara / NTP	Jumlah Penalti NTP
1.	Tong tidak dihantar/ditarik seperti yang diarahkan oleh pegawai penguasa	RM 50.00
2.	Tong tidak ditutup dengan canvas atau seumpamanya semasa diangkut di jalan raya	RM 50.00
3.	Meletakkan tong ditempat yang menyebabkan halangan lalu lintas	RM 50.00
4.	Tidak menghantar tuntutan bayaran yang lengkap sebelum atau pada 10 haribulan pada bulan Mac, Jun, September dan Disember.	RM 50.00
5.	Tidak menghantar tuntutan bayaran yang lengkap pada 11 haribulan dan seterusnya sehingga tuntutan lengkap dibuat pada bulan Mac, Jun, September dan Disember.	RM 20.00/Hari
6.	Tidak menggunakan tong yang menepati spesifikasi yang ditetapkan	RM 50.00
7.	Tidak meletakkan tulisan ‘kontraktor panel MPK’ dan nombor telefon kontraktor pada tong	RM 50.00
8.	Tidak mewarnakan tong dengan warna yang ditetapkan oleh pihak Pegawai Penguasa	RM 50.00
9.	Tidak menghadiri lawatan tapak/taklimat atau seumpamanya yang diarahkan oleh pegawai penguasa	RM 50.00
10.	Kerja-kerja <i>back up</i> yang dibuat oleh MPK	Mengikut kadar harga sewaan tong roro

**LAMPIRAN 3**

**JADUAL KEDUA**  
**SKALA PRESTASI**

**KAEDAH PENGIRAAN PRESTASI KONTRAKTOR PANEL**

BIL.	PERKARA	SKALA DIMERIT	PEMOTONGAN DIMERIT (%)
1.	Jumlah kumulatif NTP	1-2	5
		3-5	10
		≥6	15
2.	Jumlah Aduan benar	1-2	2
		3-5	5
		≥6	10
3.	Kerja back-up (sokongan)	1	5
		2	10
		≥3	15

**PETUNJUK PRESTASI**

BIL.	UKURAN	KADAR PERATUSAN
1.	SANGAT BAIK	90 % - 100 %
2.	BAIK	75 % - 89 %
3.	MEMUASKAN	50 %- 74 %
4.	TIDAK BAIK	0 % – 49 %